

USIM bantu pembangunan akademik pelajar setempat

PERANAN dan tanggungjawab sebuah universiti tidak terhad kepada menyalurkan ilmu kepada mahasiswa-mahasiswa mereka sendiri namun tanggungjawab terhadap pembangunan akademik masyarakat setempat juga perlu ditekankan dan diambil kira, kata Timbalan Naib Canselor Hal Ehwal Pelajar dan Alumni, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), **Profesor Datuk Dr. Mohamed Asin Dollah**.

Justeru, Kelab Pembimbing Rakan Universiti (PRU) dengan kerjasama Unit Psikologi Kaunseling dan Kerjaya (UPKK) USIM telah menjayakan Program Motivasi Kecemerlangan Diri & Seminar Skor 'A' Pelajar Penilaian Menengah Rendah (PMR) 2010 atau ringkasnya PERKASA.

Program selama satu hari itu bertujuan meningkatkan keyakinan diri para pelajar untuk menghadapi peperiksaan PMR. Di samping berkongsi ilmu serta memberikan pendedahan yang terbaik kepada para pelajar mengenai teknik-teknik menjawab soalan peperiksaan.

Seramai 143 pelajar tingkatan tiga dari empat buah sekolah sekitar Negeri Sembilan dipilih untuk menyertai program ini, iaitu Sekolah Menengah Kebangsaan Agama Pedas, Sekolah Menengah Kebangsaan Agama Sheikh Hj Ahmad Said, Sekolah Menengah Agama Nilai dan Sekolah Menengah Agama Rantau.

Antara pengisian program ini adalah sesi ceramah bagi mata pelajaran Sains, Matematik dan Bahasa Inggeris. Penceramah terdiri daripada guru-guru yang pakar dan mempunyai pengalaman yang luas dalam bidang masing-masing. Selain sesi motivasi daripada **Ahmad Subhi Che Ab Razab** yang merupakan kaunselor terlatih bertujuan

menyuntik semangat dan keyakinan diri para pelajar.

Mohd Rakin Mohd Rofee, pelajar Sekolah Menengah Agama Rantau berkata, program ini merupakan kali pertama disertai.

"Saya gembira menyertai program sebegini kerana di samping mendapat ilmu, saya juga dapat menambah kenalan dan bertukar-tukar pandangan dan idea", tambah Mohd Rakin.

Sementara itu, **Nur Anis Amira Mohd Anas**, pelajar Sekolah Menengah Kebangsaan Agama Pedas berharap program sebegini dapat meningkatkan motivasi yang tinggi di kalangan para pelajar di samping menarik minat untuk menyambung pelajaran di peringkat yang lebih tinggi.

SEBAHAGIAN peserta seminar menyiapkan tugas yang diberi.



CALON PMR dari empat buah sekolah di Negeri Sembilan yang mengikuti Program Motivasi Kecemerlangan Diri dan Seminar Skor 'A' di USIM. Nilai baru-baru ini.